

AMANAH, PUNCA KEMULIAAN

“Sekiranya sifat amanah itu kita cabuli dalam pergaulan masyarakat kita, tak dapatlah tidak rosaklah pergaulan kita dan mundurlah segala kemajuan hidup kita, akhirnya kita juga akan menderita. Demikian kesimpulan rencana al-Faḍīl Haji Muhammad ‘Ārif al-Natlī Bin Qādir al-Natlī Chikus, Teluk Intan Perak , seperti yang kita sajikan di bawah ini- P.

(Oleh Haji Muhammad ‘Ārif al-Natlī)



Amanah itu ialah pintu kebahagiaan hidup, yang membawa keselamatan dan kemajuan. Agama Islam kita yang maha suci menyuruh berpegang dengan sekuat-kuatnya supaya amanah jangan ditiadakan.

Betapa tidak? Kita boleh melihat dengan seterang-terangnya bagaimana seseorang itu, boleh kekal kemajuan didalam pergaulan hidup. Tidaklah lain lagi ialah dengan mengutamakan amanah.

Jikalau kita perhatikan di dalam lembaran sejarah Islam yang gemilang, kita akan dapat menyaksikan dengan sejelas-jelasnya orang-orang dahulu sangat patuh kepada amanah. Tidak mereka meringan-ringankan. Kerana mereka telah percaya, dengan mengutamakan amanah itulah yang akan meninggikan budaya akhlak, dan ialah yang mengharamkan nama.

Junjungan kita Muhammad ṣallā Allāh ‘alaihi wa sallam dengan sebab amanahnya itulah telah digelar oleh kaumnya dengan Muhammad al-Amīn yakni Muhammad yang kepercayaan.

Kepada beliaulah terserah, segala harta benda kaum Islam, dan rumahnya itulah menjadi rumah perbendaharaan “Baitul Mal”.

Amanah itu bukan terletak pada harta benda sahaja, tetapi ada banyak amanah yang kita patut utamakan. Amanah pada pekerjaan, amanah kepada perjanjian, dan lain-lainnya. Pendeknya, segala apa jua bersungguh dengan perkara yang

kebijikan, yang memberi faedah dan manfaat kepada umum mahu pun kepada diri sendiri. Amanah itu hendaklah dipegang teguh, kerana itulah yang meninggikan darjat kita.

Sebab itulah agama Islam tersangat menyuruh berpegang kepada amanah sudah tentu sekali bukanlah dikatakan orang yang tidak amanah sudah tentu sekali bukanlah dikatakan orang yang beriman. Hanyalah sebagai lencongan jua. Junjungan kita Muhammad (SAW) bersabda maksudnya: tiada beriman sesiapa yang tiada amanah dan tiada agama sesiapa yang tidak menyempurnakan janji.”

Jikalau kita perhatikan sabda junjungan kita yang tersebut ini nyata benar iman seseorang itu mesti ada kepadanya amanah .

Agama Islam kita telah melarang keras kepada jenayah. kerana ialah yang merosakkan peribadi. Al-Shaykh Ṭantāwī Johori berkata: khianat itulah api yang bermaharajalela yang membakar sesebuah negeri.

Kerajaan-kerajaan yang besar-besar itu , apakah yang menjadikannya runtuh dan jatuh tidak lain lagi kerana ketiadaan taat setia. Dan kebanyakan pembesar-pembesar dan penduduk-penduduknya tidak amanah.

“Tidak akan bangun seseorang yang tidak amanah itu.

Selagi belum ia sedar akan amanahnya”, demikian kata al-Marhūm al-Shaykh Muḥammad ‘Abduh di sini dapatlah pula kita menungkan, bahawa amanah itulah menjadi kebangunan seseorang dan itulah yang menjadi asasnya.

Amanah dalam Islam adalah terbentuk di dalam tiga perkara : kepercayaan, perkataan, dan perjanjian inilah ajaran Islam yang menganjurkan kita ke arah kemenangan dunia akhirat.

Kepercayaan itu adalah suatu cahaya yang bergemilang , ialah pedoman di dalam perjalanan hidup.

Perkataan pula adalah suatu “paku” bagi memakukan amanah apakal “paku” itu tidak digunakan yakni tidak dipukulkan dengan sebetulnya maka akan rosaklah amanahnya, hilanglah budinya dan buruklah kedudukannya di dalam masyarakat. Sekali kita berdusta, berdustalah kita selama-lamanya. Sekalipun benar yang kita katakan, tak dapat tidak ia akan dipandang dusta juga.

Perjanjian inipun adalah satu daripada pokok amanah. Kerana perjanjian itu satu hutang yang patut dijelaskan dengan segeranya, kerana tidak ada sesuatu hutang yang tersangat berat selain daripada janji.

Al-Marhūm Sa‘daz Ghalūl berkata: penganjur yang sebenar-benarnya itu ialah yang manfaati janjinya.

Jikalau kita menungkan perkataan yang tersebut ini, jelas sungguhlah moto seseorang penganjur itu ialah setianya kepada amanahnya. Kalau seseorang penganjur itu tiada amanah dan tidak setia kepada janjinya maka belum boleh ia dinamakan penganjur.

“Amanah yang dikehendaki kepada penganjur atau pemimpin itu hendaklah amanah yang sebenarnya yang manfaati janjinya ,bukannya “amanah kula-kula”.

Sekiranya, amanah itu kita cabuli dalam pergaulan masyarakat kita tak dapat tidak rosaklah pergaulan kita dan mundurlah segala kemajuan hidup kita , akhirnya kita jua yang akan menderita.

(sambungan daripada muka 7)

pun “tan” perkataan sekreteriat bererti tanah, atau negeri.

5. “Pura” dinamakan Temasik itu Singapura. Di dalam bahasa Sanskrit “singa” itu seekor binatang yang teramat buas dan berani, maka orang-orang Sik banyak bernama sing yang menunjukkan bahawa mereka itu berketurunan daripada kaum Hulubalang. Adapun “Pura” itupun perkataan Sanskrit bererti Bandar. Maka “Singapura” itu ertinya “Bandar Singa” dan mengikur nahu bahasa Sanskrit :Singa Bandar” perkaaan “Pura” ini dipakai oleh beberapa bandar- bandar di Sumatera seperti Siak, Seri Inderapura, Tanjung Pura di Langkat, Burhamaputra di India. Perkataan “Pura” hanyut daripada tanah India di benua Asia, ke benua Eropah dengan berlan-lainan sebutan, iaitu seperti Sebastopol (atau Sebastopol) Bandar Sabastian, Adriano Topol bandar Adriano, Kostantinople Bandar Sabastian, Saint Petersburg, Bandar Saint Peter, Edinboro Bandar Edwin di Scotland.

6. “Rampaian-rampaian” bahasa Melayu berasal daripada perkataan rampai yang bererti bermacam-macam jenis serba sedikit dipersatukan. Misalnya (1) bunga rampai, iaitu daun pandan dihiris halus-halus sehingga berkeadaan seperti tembakau, kemudian dicampur dengan bermacam-macam bunga yang harum serta dihawapkan pula dengan asap setinggi (2) sayur rampai atau sayur rampai-rampainya, iaitu serba sedikit daripada bermacam-macam jenis sayur. (3) Sememang sudah menjadi adat tabiat kanak-kanak yang kecil sebelum bergigi, tangannya suka mencapai sebarang apa yang dipandangkan kemudian masukkan kemulurnya. Maka tangan kanak-kanak yang demikian dikenakan merampas sahaja.